

## BAB : 3

### **PEMIMPIN ORANG INDIA YANG MENYUMBANG KE ARAH PEMBINAAN NEGARA YANG BARU MENCAPAI KEMERDEKAAN**

Tun Sambanthan menjadi Presiden MIC pada tahun 1955. Sebelum ini, MIC telah mempunyai empat orang presiden. Beliau merupakan presiden pertama yang telah mengorak langkah untuk menyatupadukan orang India dalam membentuk kesetiaan terhadap parti Perikatan. Beliau juga merupakan presiden MIC pertama yang telah bekerjasama dengan parti Perikatan bagi kebaikan negara dan bangsa.

Apabila Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan pertama dirancang untuk diadakan pada tahun 1955, beberapa pemimpin MIC dari Kuala Lumpur berpendapat "orang yang betul-betul berkelayakan" untuk memimpin MIC ialah Tun Sambanthan. Pada waktu itu, mereka sudahpun terbaca kegiatan sosial Tun Sambanthan di Sg. Siput. Mereka memutuskan bahawa Tun Sambanthan memang mempunyai minat dalam politik kerana kedudukannya sebagai Ketua Persatuan India di Sg. Siput. Tetapi beliau tidak pernah terfikir untuk melibatkan diri dalam politik di peringkat kebangsaan.

Menurut abangnya, Meenatchi Sundram yang ditemuramah pada 10.1.2000, kekayaan keluarga bukan menjadi faktor terpenting bagi Tun Sambanthan menyertai politik. Menurut S.P. Narayanasamy, pada sekitar tahun 1950-an hanya terdapat beberapa orang India yang kaya. Di antaranya ialah Arumugam Pillai di Pulau Pinang. Tun Sambanthan mewarisi kekayaan ayahnya, tetapi beliau dianggap lebih layak di atas

sebab-sebab lain dan dianggap memenuhi ciri-ciri seorang pemimpin yang dikehendaki oleh orang India Tanah Melayu pada ketika itu.

Tun Sambanthan dipilih sebagai presiden MIC bukan kerana faktor pendidikan. Pada masa itu, ramai mempunyai kelayakan akademik yang tinggi. Misalnya, K.L. Devaser merupakan seorang peguam. Faktor penting ialah penguasaan bahasa Tamil . Tun Sambanthan adalah Presiden MIC kedua selepas A. Ramanathan Chettiar yang boleh berbahasa Tamil, walaupun John A. Thivy merupakan seorang berbangsa Tamil-Kristian. Budh Singh dan K.L. Devaser pula fasih dalam bahasa Inggeris sahaja. Faktor bahasa dianggap penting kerana 90% penduduk India di Tanah Melayu terdiri daripada orang Tamil India Selatan. Malahan, pemimpin-pemimpin bukan India berpendapat MIC perlu diterajui oleh seorang yang fasih berbahasa Tamil.<sup>1</sup> Ini akan memudahkan komunikasi di antara pemimpin dengan masyarakat Tamil agar segala mesej politik boleh difahami dan seterusnya dapat mewujudkan persefahaman dengan kaum-kaum lain supaya pelaksanaan polisi-polisi kerajaan Perikatan menjadi lebih licin dan mudah. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh Tun Sambanthan dalam menggunakan bahasa Tamil sebagai medium propaganda politik MIC adalah satu usaha baru yang tidak pernah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin MIC sebelumnya.

Sekumpulan ahli Jawatankuasa MIC,<sup>2</sup> cawangan Kuala Lumpur telah pergi ke Sg. Siput untuk meminta Tun Sambanthan menjadi pemimpin kebangsaan MIC. Beliau serta-merta menolak tawaran tersebut<sup>3</sup> dengan alasan terdapat ramai lagi pemimpin yang

<sup>1</sup> Orang Melayu pernah melahirkan ketidakpuasan terhadap pemimpin India sejak tahun 1946 dalam suratkhabar, Rajeswary Ampalavanar, *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1945-57*, hlm.156.

<sup>2</sup>Kumpulan ini terdiri daripada Encik S.P. Narayanasamy dan Encik Gurupatham (kemudian dilantik sebagai Setiausaha Agong M.I.C.).

<sup>3</sup> Temuramah dengan abangnya, Encik V. Meenatchi Sundram pada 10 Januari 2000.

lebih layak dan sesuai untuk jawatan presiden. Orang yang berlegar di ruang kepala Tun Sambanthan ialah P.P Narayanan kerana penglibatannya dalam kebajikan masyarakat estet. Lalu, Tun Sambanthan bersama abangnya, Meenatchi Sundram telah berjumpa dengan P.P. Narayanan.<sup>4</sup> Usahanya tidak berhasil apabila P.P Narayanan menolak permintaan Tun Sambanthan dengan memberi alasan tidak berminat dalam politik. Keengganan P.P.Narayanan menyebabkan Tun Sambanthan mempersetujui perlantikannya sebagai presiden MIC kebangsaan.

Menurut S.P. Narayanasamy lagi, pencalonan Tun Sambanthan disemarakkan oleh suratkhabar **Tamil Murasu**. Editornya, Encik K. Saranggabani telah menulis artikel-artikel yang merendahkan kedudukan K.L. Devaser yang sedang memegang jawatan, Presiden MIC. Sebaliknya, akhbar **Tamil Murasu** juga mempropagandakan pencalonan Tun Sambanthan. K. Saranggabani ialah seorang reformis Tamil. Beliau cuba mengembalikan keagungan bahasa Tamil melalui genre kesusasteraan Tamil. Beliau juga telah memperkenalkan perayaan "Tamilar Thirunaal". Ia adalah suatu hari untuk mempraktiskan kebudayaan dan kesusasteraan Tamil.

Kumpulan yang dianggotai oleh tujuh orang<sup>5</sup> telah mengadakan perjumpaan di beberapa bahagian di seluruh Tanah Melayu untuk menerangkan kepentingan perubahan kepimpinan dalam MIC. Keraguan Tun Sambanthan untuk menjadi Presiden MIC adalah sesuatu yang berasas kerana beliau berpendapat masih terdapat beberapa pemimpin yang lebih terpengaruh dan berpengalaman. Boleh dikatakan desakan orang di sekelilingnya lebih kuat daripada kehendak hati Tun Sambanthan.

---

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> A.V. Meenatchi Sundram, **Makkal Nalvalvukku Adikolia Maamanithar: Tun V.T. Sambanthan, SSM., PMN**, Memorial Tun Sambanthan, Sg. Siput, Perak, 1995, hlm. 33.

Pada bulan Mei 1955, ahli-ahli MIC telah membuang undi untuk memilih Presiden MIC yang baru. Undi dikira di dewan Kuil Thandayutabani Sentul, Kuala Lumpur. Pegawai pilihanraya parti MIC ialah Encik K. Gurupatham.<sup>6</sup> Sebelum tarikh 21hb Mei 1955,<sup>7</sup> Tun Sambanthan telah dipilih sebagai Presiden MIC kebangsaan. MIC merupakan satu-satunya parti yang membenarkan ahli biasa untuk membuang undi bagi pemilihan Presiden. Selepas tahun 1955, pemilihan Presiden yang dilakukan setiap tahun tidak pernah diadakan kerana pemimpin-pemimpin bawahan dalam MIC meyakini dan menyokong Tun Sambanthan sepenuhnya. Hanya pada tahun 1973, jawatan presiden dipertandingkan.

Mesyuarat Agung Tahunan pertama parti MIC telah diadakan pada 21hb Mei, 1955 di Teluk Anson, Perak. Dalam mesyuarat ini, buat terulung kali Tun Sambanthan menyampaikan ucapan Presidennya. Ucapan Tun Sambanthan amat memberangsangkan. Di antara isi kandungan ucapan Tun Sambanthan ialah peranan kaum India dalam politik Tanah Melayu, kewibawaan parti MIC, masalah sosial seperti todi dan samsu, Tabung Imigrasi Buruh India dan sebagainya. Beliau juga mengumumkan hasratnya untuk mempunyai bangunan (pejabat) tersendiri bagi MIC. Cadangan ini pernah dikemukakan oleh John Thivy tetapi tidak dapat dilaksanakan. Tun Sambanthan juga ingin membina sebuah dewan digelar "Dewan Nethaji" dalam bangunan baru ini. Pembinaan dewan sebelum dan selepas Tun Sambanthan hanya bergantung kepada faktor status parti MIC. Selepas tahun 1955, MIC sudahpun dianggap sebagai parti politik orang India yang

---

<sup>6</sup> Encik K. Gurupatham merupakan Setiausaha pertama dalam M.I.C. pimpinan Tun Sambanthan.

<sup>7</sup>Tarikh pemilihan Presiden secara tepat tidak diperolehi. Tetapi dalam tarikh ini (21.5.1955) Tun Sambanthan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan M.I.C.yang pertama. P. Arunasalam (disusun) *Varalatri Oru Maamanithar*, Memorial Tun Sambanthan, Lebuh Ampang, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 107.

'established'. Walaupun MIC sudah diterima masuk dalam Perikatan pada zaman K.L Devaser, tetapi ia adalah tempoh waktu yang penuh dengan krisis kepimpinan.

Selepas mesyuarat agung ini, Tun Sambanthan telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan delegasi dari negeri dan cawangan. Dalam perjumpaan ini beliau mula membincangkan tentang pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan yang akan diadakan tidak lama lagi. Dengan itu, Tun Sambanthan telah memainkan peranan sebagai pemimpin Perikatan kerana MIC pada ketika itu sudahpun menjadi komponen Parti Perikatan. Pada masa yang sama, sebagai pemimpin orang India, beliau ingin memastikan sokongan padu orang India terhadap Parti Perikatan dalam pilihanraya tersebut.

### **Tun Sambanthan dan MIC dalam Pilihanraya 1955-69**

Menurut T.E. Smith,<sup>8</sup> Penyelia Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, seseorang calon yang ingin bertanding perlu mempunyai empat syarat terpenting iaitu seorang rakyat Persekutuan atau pemastautin tetap Persekutuan, berumur 21 tahun ke atas dan berpengetahuan dalam bahasa Inggeris atau Melayu supaya boleh melibatkan diri dalam perbahasan Majlis Perundangan. Calon perlu membayar wang tunai \$500 dan mengemukakan dua orang pencadang dan empat orang penyokong semasa hari pencalonan. Tun Sambanthan berjaya memenuhi segala syarat untuk bertanding dalam pilihanraya dijangka diadakan pada 27hb Julai, 1955.

---

<sup>8</sup> T.E. Smith, **Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya**, Government Press, Kuala Lumpur, 1955, hlm. 70.

Menurut Laporan T.E. Smith Tun Sambanthan ditempatkan di Kinta Utara (Perak)<sup>9</sup> dengan majoriti penduduknya adalah orang Melayu dan mendapat saingan hebat daripada pemimpin-pemimpin Melayu. Beliau telah ditentang oleh Sheikh Muhammad Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman dari Persatuan Kebangsaan Perak, Muhammad Ramli bin Abdullah dari *Perak Malay League* dan K.R.R. Choudhary dari Parti Buruh.<sup>10</sup> Parti Perikatan menang dengan majoriti undi 7,900 dan undi yang rosak adalah 250. Manakala, *Perak Malay League* mendapat 214 undi dan Persatuan Kebangsaan Perak pula memperolehi 1,832 undi.<sup>11</sup> Banyak faktor yang menentukan kemenangan Tun Sambanthan. Yang pertama adalah kempen yang dilakukan oleh Tengku Abdul Rahman di kawasan Sg. Siput dan Tun Abdul Razak di Kampung Kepayang.<sup>12</sup> Bukan itu sahaja, beliau lebih dikenali sebagai 'anak Veerasamy' di kalangan orang Melayu dan Cina.

Pilihanraya ini dianggap penting bagi membentuk kerajaan sendiri yang akan menentukan kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Malahan, Tun Sambanthan bukan sahaja mewakili kaum India atau parti MIC tetapi mendokong harapan dan kemenangan yang bakal diperolehi oleh parti Perikatan. Kemenangan Tun Sambanthan telah mengeratkan dan memperkuuhkan lagi kedudukan parti MIC dalam Perikatan.

Dalam pilihanraya, MIC hanya diperuntukkan dua kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Seorang lagi calon MIC bernama C. Chelvasingam MacIntyre, seorang 'Ceylonese' telah bertanding di kawasan Batu Pahat. Beliau memperolehi undi sejumlah

<sup>9</sup> Kinta Utara adalah kawasan hitam, kegiatan Parti Komunis Malaya yang paling cergas di negeri Perak. 1/3 daripada jumlah penduduknya (130,000) adalah orang Melayu. *Straits Times*, 21 June 1955.

<sup>10</sup> T.E. Smith, *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Government Press, Kuala Lumpur, 1955, hlm. 70.

<sup>11</sup> *Tamil Murasu*, 29 Julai 1955.

18,968 daripada jumlah ini undi orang India dan Cina adalah 530 dan 5 679 masing-masing. Kemenangan calon parti Perikatan berbangsa Cina dan India adalah di "constituencies where the Malays were in a majority".<sup>13</sup>

Pada 9hb Ogos 1955, *Administrative Council of Federation* ataupun kabinet pertama secara rasmi mengangkat sumpah.<sup>14</sup> Tun Sambanthan telah dilantik menjadi Menteri Buruh. Majlis Perundangan Persekutuan pula dianggotai oleh 50 orang Melayu, 25 orang Cina, 7 orang India, 2 orang Ceylon, seorang Eurasia dan selebihnya adalah pegawai-pegawai Eropah.<sup>15</sup> Pendekata, 10 orang India (seorang Menteri dan 9 orang mewakili Dewan Perundangan) telah diberi peluang untuk melibatkan diri dalam hal-hal politik Tanah Melayu.

Dalam pilihanraya umum 1959 "*the place of the MIC as the third partner in the Alliance was reconfirmed*".<sup>16</sup> Empat wakil MIC dicalonkan untuk bertanding dalam pilihanraya ini. Tun Sambanthan dan Tan Sri Manickavasagam,<sup>17</sup> masing-masing menang di kawasan Sg. Siput dan Klang. Selepas Tanah Melayu mencapai merdeka, Tun Sambanthan dilantik sebagai Menteri Kesihatan. Mulai tahun 1959, beliau telah memegang portfolio Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi, sehingga tahun 1971. Perlantikannya ini adalah tanda penglibatan Tun Sambanthan sebagai wakil orang India dalam politik dan pentadbiran negara.

---

<sup>12</sup> A.V. Meenatchi Sundram, **Makkal Nalvalvukku Adikolia Maamanithar: Tun Dr. V. Thirunyana Sambanthan**, SSM., PMN, hlm. 39.

<sup>13</sup> K.J. Ratnam dan R.S. Milne, **The Malayan Parliamentary Election of 1964**, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 13.

<sup>14</sup> Tamil Murasu, 5hb.Ogos1955. (Dalam kabinet ini 10 orang adalah berjawatan menteri dan 5 orang lagi adalah pegawai-pegawai tugas khas).


<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Sinnappah Arasaratnam, **Indians in Malaysia and Singapore**, hlm. 132.

<sup>17</sup> Tan Sri Manickavasagam merupakan Timbalan Presiden MIC sejak tahun 1955 dan pernah menjadi Menteri Buruh.

Pilihanraya 1964 pula dianggap penting kerana pada waktu itu, ramai penduduk India sudahpun menjadi warganegara Tanah Melayu. Orang India juga mula menyokong parti Perikatan kerana tindakan Tengku Abdul Rahman yang telah menentang keras negara China yang telah menyerang India pada tahun 1962.<sup>18</sup> Orang India yang menyokong Parti Buruh dan Parti Progresif Rakyat mula marah dengan sikap berkecuali

Gambar 3: Barisan Ahli Kabinet Yang Telah Mengangkat Sumpah Di Istana Negara, pada 22hb Ogos, 1959



(Duduk,dari kiri ke kanan): Tun V.T. Sambanthan (Kesihatan), Dato Abdul Razak bin Hussein (Timbalan Perdana Menteri dan Pertahanan), Y.T.M. Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Perdana Menteri), Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman (Hal Ehwal Luar Negeri , Perdagangan dan Perindustrian), Enche Sulaiman bin Dato Abdul Rahman (Dalam Negeri dan Kehakiman). (Berdiri; dari kiri ke kanan): Dato Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid(Setiausaha Tetap), Enche Mohamad Khir Johari (Jabatan Perdana Menteri),Enche AbdulRahman bin Haji Talib (Pengangkutan), Enche Bahaman bin Samsudin (Hasilbumi), Enche Ong Yoke Lin (Buruh,dan Perhubungan Sosial), Enche Sardon bin Haji Jubir (Kerja, Pos dan Telekomunikasi), Enche Abdul Aziz bin Ishak (Pertanian), Enche Tan Siew Sin (Kewangan), Tuan Sheikh Hussein bin Sheikh Mohamed Timbalan Setiausaha (kabinet).

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>18</sup> R.K. Vasil, *The 1964 General Elections in Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 49.

kedua-dua parti terhadap serangan China terhadap negara India.<sup>19</sup> Faktor ini menguntungkan MIC. Dalam pilihanraya 1964, MIC dapat terus mempertahankan 10 daripada 11 kerusi yang diperuntukkan oleh parti Perikatan. Manakala, pada tahun 1959, MIC hanya mendapat 7 daripada 13 kerusi yang dipertandingkan. Tun Sambanthan pula sebagai Presiden MIC terus dikekalkan dalam jawatan Menteri Kerja, Pos dan Telekomunikasi kerana keupayaannya yang terserlah sebelum ini dan juga kerana dapat terus mengekalkan sokongan orang India melalui MIC kepada kerajaan Perikatan.

Dalam Pilihanraya 1969, Tun Sambanthan diberi kepercayaan oleh Tengku untuk menjadi anggota Jawatankuasa Pemilihan Calon Perikatan 1969. Ia turut dianggotai oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Mohd. Khir Johari dan Tun Tan Siew Sin.<sup>20</sup> Pilihanraya ini dianggap signifikan kerana ia telah memperlihatkan kekalahan parti MCA yang hanya berjaya menang 19 daripada 31 kerusi<sup>21</sup> yang diperuntukkan oleh Perikatan. MCA menang atas undi orang Melayu. Orang Cina tidak menyokong MCA sebagai bantahan kepada Perikatan yang telah melepaskan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965.<sup>22</sup> Dalam pilihanraya ini, Tun Sambanthan menang dengan kelebihan undi 146 sahaja.<sup>23</sup> Pada tahun 1970 beliau telah dilantik sebagai Menteri Perpaduan.

---

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Straits Times, 25.January 1969.

<sup>21</sup> R.K. Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 1.

<sup>22</sup> Pada tahun 1946 dalam Malayan Union, Singapura berpisah dari Tanah Melayu. Dari tahun 1955 hingga 1959, Singapura *self-government state* telah diperintah oleh Parti Buruh, David Marshall dan Lim Yew Hock, dua orang pemimpin telah meminta Tengku Abdul Rahman bagi percantuman semula. Pada awalnya, Tengku menolak kerana takut kepada pertambahan penduduk Cina dan komunisme. Selepas tahun 1959, *Peoples' Action Party* (PAP) yang diketuai oleh Lee Kuan Yew dapat memujuk Tengku untuk menyertai Malaysia. Tetapi, PAP tidak senang dengan sikap Perikatan terhadap isu bahasa dan konsep *Malaysian Malaysia*. Chan Heng Chee, *Singapore The Politics of Survival 1965-1967*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.

<sup>23</sup> Umardin Hj. Abdul Katalib, "Beberapa Aspek Umum Mengenai Kepimpinan dan Perkembangan Politik Negeri Perak", Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1978/79, hlm. 167.

Sebagai Presiden Parti MIC dan pemimpin Perikatan, Tun Sambanthan telah mengambil bahagian dalam pilihanraya-pilihanraya pada tahun 1955, 1959, 1964 dan 1969. Pada tahun 1974, Tun Sambanthan tidak bertanding kerana beliau telahpun bersara dari MIC pada tahun 1973. MIC telah mendapat dua jawatan Menteri penuh dalam sepanjang tempoh waktu tersebut. Jawatan Presiden MIC, memberi peluang kepada Tun Sambanthan untuk menyertai Parti Perikatan dan bertanding dalam pilihanraya bagi membentuk kerajaan. Sebagai pemimpin Perikatan, beliau ditawarkan jawatan Menteri. Dengan itu, beliau diberi mandat untuk bekerja demi menjaga kepentingan semua bangsa agar keharmonian dan kesejahteraan negara terus terpelihara. Proses Pilihanraya juga jelas menunjukkan sikap kerjasama antara pemimpin pelbagai kaum untuk menjamin kemenangan Parti Perikatan dalam membentuk kerajaan.

### **Tun Sambanthan, MIC dan Kemerdekaan Negara**

Sejak tahun 1954, Tengku telah mengorak langkah untuk mendapat persetujuan British bagi kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Pada 8hb Februari, 1956 Alan Lennox Boyd, Setiausaha Tanah Jajahan dan Tengku Abdul Rahman telah menandatangani dokumen Perjanjian Kemerdekaan.<sup>24</sup> Pihak British telah meminta agar satu pilihanraya diadakan untuk memilih satu jawatankuasa pentadbiran bagi negara yang bakal merdeka. Semasa rundingan mengadakan pilihanraya di Tanah Melayu, pihak British telah mengizinkan “*only partial elections with a majority of nominated members*”.<sup>25</sup> Perikatan telah meminta pilihanraya cara demokrasi untuk pemilihan ahli

<sup>24</sup> Mubin Sheppard, **Tunku His Life and Times**, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1995, hlm. 86.

<sup>25</sup> Ibid.

Majlis Undangan (*Legislative Council*). Tetapi British menolaknya. Mereka hanya membenarkan pilihanraya berbentuk kepartian dan calonnya dipilih oleh orang ramai. Pilihanraya tahun 1955, adalah mengikut syarat pihak British. Pihak Perikatan telah menenangi 51 buah kerusi daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Tengku telah memastikan calon-calon dari parti MCA dan MIC mendapat tempat dalam kabinetnya, sekiranya mereka menang di bawah kerusi Perikatan. Dengan itu, Tun Sambanthan telah dilantik sebagai Menteri Buruh.

Pada bulan Januari, 1956 rombongan rundingan kemerdekaan yang terdiri daripada Tengku Abdul Rahman, Datuk Abdul Razak, Tun Kolonel H.S. Lee, Tun Dr. Ismail, T.H. Tan (Setiausaha Parti Perikatan) dan empat wakil Raja Melayu<sup>26</sup> telah berangkat ke London untuk membincangkan tentang Perlembagaan. Suruhanjaya Reid<sup>27</sup> ditubuhkan untuk merangka Perlembagaan bagi Tanah Melayu. Dengan itu, beliau telah didesak oleh pemimpin-pemimpin parti MIC untuk menyertai rundingan perlembagaan yang sedang dibincangkan. Beliau pernah dikritik kerana sikapnya yang acuh tak acuh dalam menuntut hak orang India. Orang yang paling lantang menentang kepimpinan MIC adalah K.L. Devaser, Presiden MIC sebelum Tun Sambanthan. Beliau mengkritik tindakan Tun Sambanthan yang enggan turut serta dalam rundingan perlembagaan ke London.<sup>28</sup> Beliau telah berpendapat sekiranya Tun Sambanthan tidak mewakili MIC, beberapa hak kaum minoriti orang India akan diketepikan. Tetapi, Tun Sambanthan telah memberi sebab keengganannya turut serta dalam rombongan tersebut:

---

<sup>26</sup> Wakil raja-raja Melayu yang telah turut serta dalam rundingan perlembagaan ialah Datuk Panglima Bukit Gantang Menteri Besar Perak - Encik Abdul Aziz Abdul Majid, Menteri Besar Johor - Dato' Mohd. Seth, Menteri Besar Kelantan - Datuk Nik Ahmad Kamil dan Encik Abdul Kadir Shamsuddin sebagai setiausaha. Alias Mohamed, **Ghafar A biography**, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, hlm. 44.

*“... nor did he think it necessary for an Indian to be at the constitutional talks. The London talk will center round the broad issues facing the nations.”<sup>29</sup>*

Beliau telah memberi jaminan bahawa rundingan perlembagaan akan memfokuskan kepada isu-isu penting yang dihadapi oleh negara. Sememangnya, isu kerakyatan kepada orang bukan Melayu telah menjadi agenda utama. Kerakyatan cara Jus Soli telah dipersetujui oleh UMNO semasa pilihanraya 1955. Rundingan Kemerdekaan tetap menerima prinsip ini; maka orang India tidak perlu bimbang. Dengan itu, Tun Sambanthan merasa beliau tidak perlu hadir dalam rundingan itu kerana ia bukan bersifat perkauman. Beliau telah berkata, *“If communalism was to have been discussed then I would have fought for a place.”<sup>30</sup>* )

Perbincangan tentang penggubalan Perlembagaan telah diteruskan tanpa kehadiran wakil orang India. Tun Sambanthan yang telah dikecam hebat kerana keengganannya turut serta dalam rundingan, mula mengambil tindakan tegas terhadap pemimpin-pemimpin MIC dengan menyingkirkan mereka daripada parti.<sup>31</sup> Tun Sambanthan merasa bimbang terhadap tindakan K.L. Devaser dan beberapa pemimpin cawangan MIC yang boleh mencetuskan sentimen perkauman. Beliau terpaksa bertindak sedemikian setelah gagal meyakinkan mereka bahawa rundingan perlembagaan bukan berpihak kepada orang Melayu. Sebagai wakil orang India dalam pentadbiran negara,

---

<sup>27</sup> Suruhanjaya Reid terdiri daripada Lord Reid (Pengerusi), Sir Ivor Jennings, Sir William McKell, B. Mallik dan Hakim Abdul Hamid. H.P. Lee, *Constitutional Conflicts in Contemporary Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 7.

<sup>28</sup> *Straits Times*, 2 November 1955. *Tamil Murasu*, 13 November 1955.

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> *Straits Times*, 5 March 1950.

<sup>31</sup> Konflik ini akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab Kejatuhan Tun Sambanthan dalam MIC.

beliau tidak mahu sebarang masalah timbul daripada orang India itu sendiri yang boleh menggagalkan rundingan kemerdekaan.

Tindakan Tun Sambanthan jelas menunjukkan bahawa beliau tidak mahu melihat sebarang kekecauan sehingga siapnya rangka perlembagaan. Bukan itu sahaja, masalah bersifat perkauman boleh menggagalkan usaha mencapai kemerdekaan. Pihak British telah diyakinkan dengan jaminan bahawa Tanah Melayu yang bakal merdeka akan diduduki oleh rakyat yang bersatupadu. Bukan sahaja, Tun Sambanthan, malah kesemua pemimpin Perikatan telah memastikan suasana agak terkawal sehingga Tanah Melayu mendapat kemerdekaan. Tengku sendiri pernah berkata, “*British would never give independence to UMNO alone*”.<sup>32</sup>

( Suruhanjaya Reid<sup>33</sup> menerbitkan laporan rangka Perlembagaan pada bulan Februari 1957 dan pada bulan Mei juga rombongan kemerdekaan telah berangkat ke London. Ini merupakan rombongan kali terakhir dan Tun Sambanthan telah menyertainya sebagai meyakinkan pihak British bahawa ketiga-tiga kaum di Tanah Melayu bersatupadu dalam menuntut kemerdekaan. )

Kehadiran Tun Sambanthan juga membuktikan orang India telah menerima syarat-syarat Perlembagaan yang akan menjadi asas pemerintahan Tanah Melayu yang bakal merdeka. Walaupun, Tun Sambanthan menyertai rombongan terakhir ke London<sup>34</sup> sebagai wakil orang India (Presiden MIC), beliau telah menunjukkan sifat nasionalisme dan patriotisme yang harus ditonjolkan oleh seorang pemimpin Perikatan dengan

<sup>32</sup> Tunku Abdul Rahman, *Last We Forget (Further Candid Reminiscences)*, Eastern Universities Press Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1983, hlm. 83.

<sup>33</sup> Suruhanjaya Reid terdiri daripada Lord Reid (Pengerusi), Sir Ivor Jennings, Sir William McKell, B. Malik dan Hakim Abdul Hamid. H.P. Lee, *Constitutional/Conflicts in Contemporary Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 7.

<sup>34</sup> Buktinya gambar di mukasurat sebelah.

Gambar 4:

Y.T.M Tengku Abdul Rahman Putra dan ahli-ahli rombongan Malaya ke London melambai-lambai kepada kumpulan besar orang ramai yang berada di lapangan terbang Kuala Lumpur untuk mengucapkan selamat jalan kepada mereka pada 9hb Mei, 1957.



Sumber: Perpustakaan Memorial Tengku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

bertolak-ansur dan bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin lain sepanjang siapnya rangka Perlembagaan. Sebagai pemimpin Perikatan, beliau telah berpaktat dengan pemimpin-pemimpin Perikatan lain untuk seiya sekata dalam soal pembentukan Perlembagaan. Beliau turut serta dalam rombongan kemerdekaan buat kali terakhir atas desakan masyarakat India. Namun, kehadirannya tidak mempunyai sebarang implikasi kerana,

“... semasa di England tiada sesiapa pun yang tahu bahawa kita ini adalah daripada rombongan yang mewakili Sultan ataupun rombongan yang mewakili orang-orang India, orang-orang China dan orang-orang Melayu. Kita berchakap dengan satu suara dan tumpuan kita hanyalah kepada Tanah Melayu sahaja.”<sup>35</sup>

Rundingan terakhir ini telah membincangkan perkara-perkara akhir berkenaan kemerdekaan Tanah Melayu dan memberi tumpuan kepada rundingan-rundingan yang lepas antara rombongan Tanah Melayu dengan wakil Permaisuri Queen Elizabeth.<sup>36</sup> Kehadiran Tun Sambanthan hanya sebagai pemimpin Perikatan yang menuntut kemerdekaan. Sekembalinya dari London, Tengku mengisyiharkan 31hb ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan di Melaka.

Begitulah suasana politik Tanah Melayu dari tahun 1955 sehingga mencapai kemerdekaan. Sebagai anggota kabinet dan pemimpin Perikatan, Tun Sambanthan telah mempunyai tanggungjawab kolektif untuk mempercepatkan kemerdekaan. Sebagai

<sup>35</sup> Mej. Ahmad Fawzi Mohd. Basri, “Perjuangan Ke arah Kemerdekaan”, Universiti Pertanian Malaysia, 22/8/1985, hlm. 41 dan 42. (Ucapan oleh Ketua Menteri sekembalinya dari London di lapangan terbang Sungai Besi, Kuala Lumpur pada 3hb Jun, 19570).

<sup>36</sup> Ibid., hlm. 37.

pemimpin Perikatan, Tun Sambanthan semestinya tahu tentang kandungan perlembagaan. Beliau melihatnya dari perspektif lain daripada pemimpin-peimpin cawangan MIC. Mereka tidak puashati terhadap peruntukan perlembagaan tentang hak istimewa orang Melayu dan mereka merasa hak dan kedudukan orang India tergugat dan tidak stabil. Walaupun beliau adalah pemimpin orang India dalam pentadbiran negara tetapi tidak bersifat perkauman.Tun Sambanthan cuba meyakinkan mereka dengan mengatakan bahawa orang bukan Melayu telah diberi taraf kerakyatan dan kebebasan lain seperti mengamalkan agama dan kepercayaan, pendidikan dalam bahasa ibunda mengumpul harta dan sebagainya. Beliau percaya hak orang India akan terjamin dan terpelihara sekiranya mereka bersikap tolak ansur.

Tengku sendiri berpendapat kesahihan tentang perlembagaan masih boleh dipertikaikan; selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan kerajaan mempunyai kuasa untuk melakukan perubahan dalam mana-mana bahagian perlembagaan yang dianggap sesuai.<sup>37</sup> Beliau telah meminta anggota kabinetnya:

*"... to accept everything that was proposed, to say nothing except of course to put in a few suggested amendments here and there as a matter of form".<sup>38</sup>*

Dengan berpandukan amanat ini, Tun Sambanthan tidak memberi peluang kepada dirinya mahupun kepada pemimpin-pemimpin cawangan MIC untuk membuat sesuatu yang boleh melambatkan proses kemerdekaan.(Beliau telah berganding bahu dengan Tengku dan pemimpin-pemimpin lain dalam menerajui kepimpinan parti Perikatan supaya mendapat mandat sepenuhnya daripada pihak British sehingga mencapai kemerdekaan.)

---

<sup>37</sup> Tunku Abdul Rahman, **As a Matter of Interest**, Heinemann Asia, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 15.

Sebagai pemimpin Perikatan dan wakil orang India dalam pentadbiran negara, Tun Sambanthan juga berpeluang untuk melibatkan diri dalam peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam negara. Beliau turut diajak berunding semasa penubuhan Malaysia (1963), pemisahan Singapura daripada Malaysia (1965) dan penamatian konfrontasi (1966). Penglibatannya jelas menunjukkan pakatan dan kerjasama antara tiga kaum dalam menentukan dasar pemerintahan negara.

Pembentukan Malaysia telah mula dibincangkan pada tahun 1961. Tun Sambanthan telah berpendapat pembentukan Malaysia tidak akan menjelaskan kedudukan orang India sebagai kaum minoriti. Malaysia yang bakal lahir akan terdiri daripada Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Kerajaan Perikatan telah memberi jaminan bahawa kepentingan orang Cina dan India akan terpelihara walaupun ada yang mengatakan matlamat penubuhannya adalah “*as the result of the political and economic stability of Malays*”. Seperti kata seorang penulis bahawa Tengku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan pemimpin UMNO lain dikatakan:

“... had to consider ways and means of preparing for this eventuality and neutralizing its destructive potential for their race, its culture and religion.”<sup>39</sup>

Ramai telah beranggapan penubuhan Malaysia menjaga kepentingan orang Melayu sahaja. Tetapi, ada banyak faktor lain yang turut menyumbang kepada kepentingan penubuhan Malaysia. Penubuhan Malaysia adalah bagi memajukan dan menstabilkan keadaan politik negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Brunei yang seringkali mendapat ancaman daripada Filipina dan Indonesia. Kegiatan sosialis di Singapura telah

---

<sup>38</sup> Ibid., hlm. 16.

menampakkan ancaman komunis yang cuba menguasai politik Singapura. Indonesia pula ingin memasukkan Tanah Melayu ke dalam Indonesia-Raya. Keengganan untuk menerima Malaysia telah menimbulkan satu ketegangan politik antara kedua-dua negara. Bagaimanapun, dengan sokongan United Nations, Malaysia diisyiharkan pada 16 September 1963.

Gambar: 5  
Tunku Abdul Rahman sedang berucap di upacara menandatangani Perjanjian Malaysia pada 8.7.1963



Duduk dari kiri ke kanan ialah wakil-wakil Persekutuan Tanah Melayu V.T. Sambanthan, Tan Siew Sin, Tun Abdul Razak, Tunku Abdul Rahman, wakil-wakil Britain Sir Harold Macmillan, Duncam Sandays dan Lord Lansdowne, wakil Singapura Lee Kuan Yew.

Sumber: Buku **Hari Ini Dalam Sejarah**, Jilid III, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

---

<sup>39</sup> William Shaw, **Tun Razak: His Life and Times**, Longman Group Ltd., London and New York, 1976, hlm. 148.

Kegagalan menentang Malaysia telah menyebabkan Soekarno melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia. Ketegangan politik ini telah membimbangkan Malaysia kerana Indonesia semakin rancak dengan ideologi komunismenya. Satu Jawatankuasa Kabinet Pertahanan telah ditubuhkan pada tahun 1963. Pengurusinya adalah Tunku Abdul Rahman. Ahli Jawatankuasanya terdiri daripada Tun Abdul Razak, Tan Siew Sin, Dato Ismail bin Dato Abdul Rahman dan V.T. Sambanthan.<sup>40</sup>

Tun Sambanthan telah meminta agar rakyat Malaysia bersatupadu dalam menunjukkan kesetiaan kepada Tengku. Dengan ini, beliau yakin bahawa:

*"Soekarno the madman will never be able to crush Malaysia if the people remain solidly behind the fine leadership of the Tengku."*<sup>41</sup>

Sebagai mengakhiri konfrontasi, Malaysia dan Indonesia telah menjalinkan hubungan diplomatik selepas menandatangani perjanjian di Bangkok pada tahun 1967. Rombongan Malaysia turut diwakili oleh Tun Sambanthan bagi menunjukkan tanda perdamaian.

Sebagai seorang anggota kerajaan, Tun Sambanthan tentunya menyokong Negara Malaysia. Beliau turut bidas sikap Lee Kuan Yew yang 'opportunist'. Apabila ia menghadapi ancaman politik daripada *Socialist Front*, beliau telah berhasrat bergabung dalam penubuhan Malaysia. Tetapi, objektif penubuhan Malaysia tidak dapat memuaskan hati Lee Kuan Yew. Beliau telah mempertikaikan isu bahasa Melayu dalam konsep *Malaysian Malaysia*. Dengan itu, Singapura berpisah dari Malaysia pada tahun 1965.

---

<sup>40</sup> Straits Times, 19 September 1963.

Tun Sambanthan juga telah mengecam tindakan Lee Kuan Yew yang merendah-rendahkan parti Perikatan dengan berkata, “*has being ignorant of politics and being run by princes, sultans and chiefs*”.<sup>42</sup> Tun Sambanthan memberi amaran kepada orang India agar tidak mencontohi sikap PAP dan meminta agar kesetiaan terhadap Tengku dan Parti Perikatan perlu dikekalkan dalam apa jua situasi.

Peristiwa-peristiwa bersejarah ini telah memberikan satu pengenalan diri yang lebih bermakna kepada Tun Sambanthan. Walaupun banyak kecaman di sebaliknya tetapi rakaman sejarah sentiasa menyanjung beliau dalam usahanya bersama-sama dengan pemimpin UMNO dan MCA untuk membentuk negara yang berdaulat. Sekiranya Tun Sambanthan bersikap tidak bertolak-ansur sudah tentu peristiwa-peristiwa di atas akan mencapai jalan buntu.

Beliau telah diajak berunding dalam menanggani isu-isu yang melibatkan kepentingan negara. Sebagai pemimpin Perikatan, beliau diberi kepercayaan untuk membincangkan sesuatu masalah yang boleh memanfaatkan rakyat Tanah Melayu. Perwakilan Tun Sambanthan juga menggambarkan keputusan yang diambilnya adalah hasil sokongan daripada orang India.

### **Pendokong Bahasa Kebangsaan**

Selepas merdeka, kerajaan Perikatan telah menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Sebagai pemimpin Perikatan dan pemimpin orang India dalam pentadbiran negara, Tun Sambanthan telah menyokong sepenuhnya dasar ini dan dalam

---

<sup>41</sup> *Straits Times*, 23 March 1965.

<sup>42</sup> *Malay Mail*, 22 March 1965.

Mesyuarat Agong Delegasi MIC yang ke-14 yang telah berlangsung pada 10hb dan 11hb September, 1960, MIC telahpun meluluskan resolusi tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris.

Malaysia yang mempergiatkan proses Malayanisasinya ingin menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Ini telah menimbulkan kerisauan di kalangan orang elit India yang fasih dalam bahasa Inggeris. Resolusinya telah meminta agar tempoh pelaksanaan bahasa Melayu dan Inggeris perlu diselaraskan.<sup>43</sup> Resolusi ini telah menimbulkan banyak kontroversi ke atas diri Tun Sambanthan apabila ia diterima dan dipersetujui dalam mesyuarat agong MIC ke-14.

Beliau telah dituduh sebagai Menteri yang tidak menghormati perlembagaan Malaysia dan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Resolusi di atas telah disalahtafsirkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu. Tun Sambanthan dianggap sebagai seorang yang mengagungkan bahasa penjajah. Malahan, Pengarah (Dewan Bahasa dan Pustaka), Tuan Syed Nasir bin Ismail telah mengepos pamphlet berkenaan bahasa kebangsaan kepada Tun Sambanthan.<sup>44</sup>

Tun Sambanthan telah menjawab segala persoalan yang timbul akibat resolusi ini. Beliau telah memberi penjelasan tentang kepentingan Bahasa Inggeris. Menurut Tun Sambanthan:

*"By providing adequate English education to our children we open a vast field and also broaden their outlook and opportunities. The importance of the English language is recognised not only by reason of*

---

<sup>43</sup> MIC, Report 14<sup>th</sup> Annual Delegates Conference, 10<sup>th</sup> and 11<sup>th</sup> September, 1960, MIC Headquarters, Kuala Lumpur, hlm. 5.

<sup>44</sup> Malay Mail, 18 November 1959.

*its utility value but even more as the main vehicle of thought, be it political, economic, social or philosophical.*<sup>45</sup>

Sebenarnya pemimpin-pemimpin lain dalam Perikatan seperti Tengku, Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail bersetuju dengan pendapat Tun Sambanthan.<sup>46</sup> Mereka sedar kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu.

Beliau bukannya bertindak di luar peraturan Penyata Razak 1956. Mengikut Penyata Razak, bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan tetapi pada masa yang sama, perkembangan bahasa kaum-akum lain harus dipelihara.<sup>47</sup> Berpandukan ini, beliau telah menyatakan tentang kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Tun Sambanthan tidak memperkecilkan kewibawaan bahasa kebangsaan. Apabila Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan diperbincangkan pada tahun 1967, Tun Sambanthan selaku pemimpin MIC (wakil orang India) telah menyokongnya. Penerimaan ini digambarkan sebagai:

*"Such acceptance has not been possible in many other nations and it is an objective fact to say that this acceptance in itself is a positive factor of the role that the races are playing in Malaysia today."*<sup>48</sup>

Sebagai pemimpin Perikatan, beliau menerima dan mengiktiraf Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Tanah Melayu. Penerimaan ini menunjukkan sikap tolak ansur beliau dalam menjayakan proses Malayansiasi. Beliau juga sentiasa menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai pelengkap diri rakyat Malaysia.

<sup>45</sup> Straits Times, 15 November 1959.

<sup>46</sup> Tamil Murasu, 19hb.November 1959.

<sup>47</sup> Section 3 of the Education Ordinance 1957 dalam Report of the Education Review Committee 1960, Education Department, Kuala Lumpur, 1960, hlm. 3.

<sup>48</sup> New Straits Times Pamphlet, Ucapan Tun Sambanthan, "National Language Bill," 5 March 1967, hlm. 2.

## **Perpaduan Negara**

Sebagai pemimpin Perikatan dan Presiden MIC, Tun Sambanthan sentiasa membicarakan tentang isu perpaduan sebagai agenda utama mesyuarat parti MIC. Tun Sambanthan menyeru orang India supaya meninggalkan sentimen perkauman. Beliau risau dengan segelintir orang India yang mengadakan perjumpaan haram untuk menyebarkan sentimen perkauman. Golongan yang tidak bertanggungjawab ini menuduh kerajaan Perikatan tidak menghiraukan orang India. Malahan, mereka mempropagandakan bahawa "bangsa, agama dan bahasa masyarakat India sedang diancam".<sup>49</sup> Tun Sambanthan telah membidas tindakan sedemikian yang akan membawa kepada konflik perkauman. Beliau telah menyeru kepada orang India agar bersatupadu dan bekerjasama dengan kerajaan Perikatan bagi membentuk negara yang aman dan maju.

Dalam setiap perjumpaan agong MIC, Tun Sambanthan telah menyebut tentang isu-isu yang berlaku di dalam dan luar negara. Perbincangan tentang isu antarabangsa dalam mesyuarat MIC adalah satu pembaharuan yang telah dimulakan oleh Tun Sambanthan.<sup>50</sup> Beliau telah bertindak demikian kerana orang India tidak seharusnya menjadi 'katak di bawah tempurung'. Tambahan, beliau mahu orang India sedar kedudukannya lebih selamat dan terjamin di Tanah Melayu berbanding di tempat-tempat lain dalam dunia. Beliau ingin melihat orang India bersatu padu dalam menunjukkan taat setia kepada kerajaan Perikatan dan Tanah Melayu.

---

<sup>49</sup> Tamil Nesan, 11 September 1960.Ucapan Tun Sambanthan dalam Mesyuarat Agong MIC Ke-10.

<sup>50</sup> New Straits Times Pamphlet, Ucapan Tun Sambanthan," National Language Bill," 5 March 1967, hlm. 2.

Misalnya, Tun Sambanthan mengkritik tindakan kerajaan Portugal yang enggan memerdekaan negara Angola. Beliau berpendapat kolonisasi tidak lagi sesuai kerana ia jelas menjaskan perjalanan demokrasi. Tambahan, beliau meminta negara-negara maju mengenakan sekatan ekonomi terhadap negara Portugal. Resolusi seumpama ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Agong MIC untuk membuktikan bahawa MIC bukan semata-mata bersifat perkauman. Sebagai anggota Perikatan, ia prihatin terhadap perkara yang berlaku dalam dan luar negeri.

Tun Sambanthan berpendapat kesetiaan terhadap negara perlu ditambah dengan sifat perpaduan untuk menyelamatkan negara daripada musuhnya. Orang India juga diminta agak bersyukur dapat terus tinggal di Tanah Melayu selepas merdeka. Mereka juga perlu mengingati bahawa kemenangan Tun Sambanthan adalah disebabkan oleh 80% undi daripada orang Melayu.<sup>51</sup> Orang Melayu melihatnya sebagai pemimpin Perikatan. Beliau menyeru agar orang India dapat menjalinkan hubungan baik dengan kaum-kaum lain dengan mengenepikan segala hasad dengki demi kepentingan negara. Ia dapat dipraktikkan sekiranya orang India mematuhi segala seruan kerajaan.

### **Taraf Kerakyatan**

Sebagai pemimpin Perikatan dan juga pemimpin orang India dalam pentadbiran negara, dalam usahanya membentuk masyarakat majmuk Malaysia, Tun Sambanthan telah berusaha untuk mendapatkan taraf kerakyatan kepada orang India. Beliau telah

---

<sup>51</sup> Straits Times, 26 July 1965.

membuka peluang yang lebih luas untuk orang India berpolitik serta menanam sikap ‘self-belonging’ terhadap Persekutuan Tanah Melayu.

Selepas Perang Dunia Kedua, British telah berhasrat untuk memberikan pengalaman berkerajaan sendiri kepada Tanah Melayu. Hasilnya, Malayan Union diperkenalkan. Taraf kerakyatan yang diumumkan adalah berkonsepkan “*uniform local citizenship laws in Malaya*”.<sup>52</sup> Kewarganegaraan terbuka kepada semua orang asing yang dilahirkan di Tanah Melayu atau Singapura serta mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan telah bermastautin selama sepuluh daripada lima belas tahun sebelum 15 Februari 1942. Taraf kerakyatan yang begitu longgar dan mudah diperolehi ditentang habis-habisan oleh orang Melayu. Peluang ini juga akan melebihkan bilangan orang dagang berbanding orang Melayu di Tanah Melayu. Selepas kegagalan Malayan Union, pada tahun 1948, Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan. Di bawah pentadbiran baru ini, seseorang yang ingin menjadi rakyat Tanah Melayu mestilah telah lahir di Tanah Melayu atau bermastautin di sini selama lapan daripada dua belas tahun atau tidak kurang daripada lima belas tahun dari dua puluh tahun sebelum permohonannya. Permohonan hanya dilayani sekiranya seseorang berumur lapan belas tahun, mempunyai perwatakan yang baik serta berpengetahuan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Kerakyatan tahun 1948 dipersetujui oleh orang Melayu kerana syarat-syaratnya lebih ketat dan sukar dipenuhi oleh orang India.

Pada tahun 1951, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah dipinda dan diwujudkan ‘*Ordinance State Nationality 1951*’.<sup>53</sup> Di dalam ordinan ini, seseorang itu boleh memperolehi kerakyatan melalui proses undang-undang atau pendaftaran. Di

---

<sup>52</sup> Tun Mohamed Suffian, H.P. Lee, F.A. Trindade, *The Constitution of Malaysia*, HS Development, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 70.

bawah kaedah kuatkuasa undang-undang (*Operation of Law*), sesiapa yang sudah mendapat kerakyatan sebelum tahun 1948, dianggap sebagai rakyat Tanah Melayu. Manakala sesiapa yang dilahirkan sebelum tahun 1948, mesti mempunyai ibu atau bapa yang juga lahir di Negeri-negeri Selat atau Negeri-negeri Melayu. Kaedah pendaftaran pula memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaya untuk meluluskan permohonan kerakyatan bagi sesiapa yang telah bermastautin di Persekutuan untuk 10 dariapda 12 tahun, permohonannya berbudi pekerti dan fasih dalam bahasa Melayu atau Inggeris. Golongan wanita yang telah berkahwin dengan lelaki yang mempunyai kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu turut diberikan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu. Anak angkat bagi mereka yang telah menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu juga dibenarkan menjadi rakyat.<sup>54</sup> Tambahan, sesiapa yang telah menjadi rakyat United Kingdom dan koloni-koloninya dan bermastautin untuk lima tahun daripada 10 tahun permohonannya di Persekutuan boleh didaftar sebagai rakyat Tanah Melayu.

Ordinan Kerakyatan 1951 menggembirakan pihak MIC dan ia dipatuhi tanpa banyak bantahan. Malahan, Ordinan ini telah menjadi panduan Suruhanjaya Reid semasa menggubal Perlembagaan pada tahun 1957.

Syarat-syarat kewarganegaraan selepas merdeka adalah lebih longgar. Sesiapa sahaja yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu menjadi rakyat secara automatik. Bagi mereka yang tidak lahir di Persekutuan Tanah Melayu boleh menjadi warganegara dengan cara 'pendaftaran', tetapi dengan syarat sudah menetap selama 8 tahun sejak hari merdeka dan mesti boleh berbahasa Melayu.<sup>55</sup> Peluang ini hanya dibuka sehingga bulan

---

<sup>53</sup> Ibid, hlm. 72. Enakmen Kerakyatan Negeri juga digubal.

<sup>54</sup> Maklumat terperinci tentang isu kerakyatan boleh diperolehi dalam buku, Ramlah Adam, **Dato' Onn Ja'afar : Pengasas kemerdekaan**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm.332-335.

<sup>55</sup> Tamil Murasu, 27 Mei 1963.

Jun, 1963. Isteri warganegara luar dan anak angkat juga boleh menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu.

Orang India, ketika itu, masih tidak prihatin terhadap isu kerakyatan dan tidak mengetahui cara-cara untuk memperolehnya. Selepas Tun Sambanthan menjadi Presiden MIC, mereka telah didedahkan dengan cara-cara memperolehi kerakyatan. Beliau sedar ramai orang India tidak berkelayakan untuk mengundi dalam pilihanraya kerana tidak mempunyai taraf kerakyatan. Ini adalah kenyataan yang telah diakui oleh ramai pengkaji politik sejarah Malaysia. Dalam kesemua pilihanraya, "*MIC candidates have been returned to Parliament primarily on Alliance support*".<sup>56</sup>

Identiti orang India menjadi penting selepas Tanah Melayu memperolehi merdeka. Beliau telah mengadakan banyak siri lawatan ke estet-estet bagi mendaftar orang India sebagai rakyat Tanah Melayu. Adakalanya beliau sendiri mengisi borang-borang permohonan. Dalam menyempurnakan usaha ini, Tun Sambanthan telah mengarahkan kesemua cawangan MIC untuk membantu pendaftaran orang India sebagai warganegara Persekutuan. Tun Sambanthan telah menasihati semua ketua cawangan agar membantu dalam urusan pendaftaran kerana orang India di estet kurang mahir dalam bahasa Melayu. Encik Gurutayal Singh, selaku bendahari MIC cawangan negeri Selangor telah dilantik sebagai 'Pegawai Pendaftar Warganegara' bagi menguruskan pendaftaran di negeri Selangor sahaja.<sup>54</sup> Beliau telah mendaftar 1,200 orang India di sekitar Selangor sebagai warganegara Persekutuan sejak tahun 1962.<sup>55</sup>

Namun, usaha MIC tidak berjaya sepenuhnya kerana bukan semua pemimpin cawangan yang memikul tugas pendaftaran secara bersungguh-sungguh. Pada tahun 1969-

---

<sup>56</sup> Sinnappah Arasaratnam, **Indians in Malaysia and Singapore**, hlm.131.

<sup>54</sup> Tamil Murasu, 27 Mei 1963.

70, seramai 60,000 orang India (kebanyakannya adalah buruh ladang) telah meninggalkan Tanah Melayu.<sup>59</sup> Kesan Peristiwa 13 Mei dilihat sebagai satu ancaman kepada kehidupan sosio-ekonomi orang India. Mereka yang tidak ada kerakyatan mempunyai dua pilihan, pertama bebas meninggalkan Tanah Melayu dan keduanya, terus tinggal di sini dengan menggunakan permit kerja. Pada tahun 1969, MIC telah menubuhkan Bahagian Kerakyatan dalam MIC untuk mengkaji masalah bersabit dengan perkara ini.<sup>60</sup> Pada ketika ini, orang India mengharapkan MIC sepenuhnya tetapi Tun Sambanthan bertindak sedaya bolehnya. Sebagai pemimpin orang India adalah menjadi tanggungjawab Tun Sambanthan untuk mendapatkan kerakyatan kepada orang India. Akhirnya *Malaysian Agricultural Producers Association* atau MAPA yang dapat berbincang dengan kerajaan untuk memanjangkan tempoh permit memandangkan industri getah negara memerlukan tenaga buruh India ladang.<sup>61</sup>

Ternyata, kedudukannya sebagai Presiden MIC memberikan peluang kepada Tun Sambanthan untuk menjadi pemimpin negara yang dapat berusaha ke arah proses kemerdekaan dan pembentukan negara Malaysia. Sepanjang perlaksanaan tugas, beliau telah memberi penekanan kepada isu-isu yang melibatkan kepentingan negara dan bangsa Malaysia. Sebagai pemimpin orang India, beliau telah memainkan peranan penting dalam menyatupadukan orang India untuk menunjukkan sokongan padu terhadap segala seruan dan dasar kerajaan supaya jentera pentadbiran negara berjalan licin.

---

<sup>55</sup> Tamil Murasu, 13 Jun 1963.

<sup>59</sup> V. Suryanarayanan, *Indians in Malaysia: The Neglected Minority*, hlm.44.

<sup>60</sup> MIC, *Laporan Mesyuarat Agong MIC ke-21*, Ibupejabat MIC, Kuala Lumpur, 1970, hlm.23.

<sup>61</sup> Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, S. Abdul Majeed & Co, for Institute of Social Analysis, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 304.